



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 3 NOVEMBER 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	SURAT KENAIKAN HARGA DEDAK AKHIRNYA AKAN RUGIKAN PENGGUNA, ONLINE, MALAYSIAKINI	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	HARAP KERAJAAN BANTU GOLONGAN PEKEBUN, BELANJAWAN 2021, SINAR HARIAN -8	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
3. 4.	SYURGA KUCING JALANAN, WARNA-WARNI KEHIDUPAN, SINAR HARIAN -19 RUMAH BAHARU KUCING JALANAN, LOKAL, HARIAN METRO -10&11	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
5. 6. 7. 8. 9.	KONSEP PETANI MODEN TANGANI PENGANGGURAN PASCA PANDEMIK, MINDA PEMBACA, BERITA HARIAN -13 PEMUDA TANAM JAGUNG MANIS, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA -31 BEKALAN MAKANAN MUSIM TENGGUJUH MENCUKUPI, NEGERI KELANTAN, SINAR HARIAN -26 TINGKATKAN ELAUN SARA HIDUP NELAYAN, BELANJAWAN 2021, SINAR HARIAN -8 TEMBIKAI WANGI PENDUDUK PRESINT 14, K2, KOSMO -22	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



SURAT | KENAIKAN HARGA DEDAK AKHIRNYA AKAN RUGIKAN PENGGUNA

Tular hampir di semua kumpulan Whatsapp dan Facebook penternak berkenaan kenaikan harga dedak dan bahan makanan ternakan yang berlaku sekarang. Sekurang-kurangnya sudah tiga kali harga makanan ternakan naik sejak bulan Feb 2020. Ini menjadikan ada sesetengah harga makanan ternakan telah naik melebihi 12 peratus dalam masa kurang satu tahun. Kadar ini adalah jauh lebih tinggi dari kadar inflasi negara. Bahan mentah makanan ternakan terutamanya jagung dan soya majoritinya diimport daripada negara luar. Banyak faktor-faktor luaran seperti kadar pertukaran wang asing, kos mengimport, dan

harga dari negara pengeluar akan mempengaruhi harga di pasaran Malaysia. Bagaimanapun, kenaikan harga ini perlu dikawal oleh kementerian yang berkenaan supaya tidak memberi kesan yang besar kepada negara. Hampir 70 peratus kos menternak adalah pada kos makanan ternakan. Sama ada penternak komersial atau penternak skala kecil-sederhana, kenaikan harga makanan ternakan pastinya memberi kesan yang besar kepada operasi mereka. Kekurangan modal tunai dan aktiviti jualan yang perlahan mungkin akan menyebabkan banyak penternak-penternak kecil terpaksa gulung tikar. Untuk penternak skala komersial yang mempunyai aliran tunai yang tinggi (ditambah mampu membuat pinjaman besar daripada bank), mereka masih boleh bertahan. Tetapi kenaikan kos pada makanan ternakan tadi pastinya akan disalurkan kepada pengguna dengan menaikkan harga jualan produk. Kesannya, negara akan menyaksikan kenaikan mendadak pada harga produk-produk makanan termasuklah harga ayam mentah, telur, daging segar dan produk-produk yang berkaitan. Harga makanan di restoran-restoran juga tidak akan terkecuali, akan turut meningkat tinggi dan perlu ditanggung oleh pengguna. Situasi ini akan mengakibatkan kesan domino yang tidak baik kepada negara.



TUTUP KANDANG, REBAN

Penternak kecil terpaksa tutup kandang dan reban. Usahawan-usahawan baru akan menjauhi sektor penternakan kerana dilihat sebagai perniagaan yang tidak menguntungkan. Syarikat besar yang memonopoli akan menaikkan harga jualan produk untuk mengekalkan margin yang diperlukan. Harga-harga makanan menjadi semakin mahal. Penjaja makanan akan lebih banyak memberhentikan beroperasi. Penduduk yang sedia ada terseksa kesan Covid-19 kini terpaksa ikat perut. Banyak lagi kesan buruk akan menyusul.



Akhirnya, sekiranya isu kenaikan harga makanan ternakan ini tidak diatasi dengan baik, mungkin akan ramai rakyat Malaysia bakal mengalami masalah kekurangan nutrisi. Harapan kami sebagai penternak skala kecil dan sederhana supaya pihak kerajaan, terutamanya Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Bersama-sama Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, dapat lebih menjwai jerih-perih yang kami alami. Langkah-langkah awal mengawal kenaikan harga bahan makanan ternakan perlu diambil segera. Dan pelan jangka panjang untuk memastikan bekalan

makanan dan kelangsungan aktiviti penternakan skala kecil perlu dirangka sebaiknya.

MOHD ANAS ASMAWI ialah pengurus Penternakan Sumber Unggas Sdn Bhd, syarikat yang terlibat secara langsung dalam sektor penternakan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/11/2020	SINAR HARIAN	BELANJAWAN 2020	8

Harap kerajaan bantu golongan pekebun

TEMERLOH - Belanjawan 2021 sememangnya dinanti-nantikan semua pihak termasuk golongan pekebun di Pahang.

Bagi pengusaha jagung manis, Rashidi Salleh, 49, dari Kampung Paya Ladang Chenor di sini, dia mengharapkan belanjawan tersebut dapat memberi manfaat kepada pekebun sepertinya.

“Saya berharap agar kerajaan dapat memberikan lebih banyak modal terutama kepada mereka yang baru berjinak dalam bidang ini.

“Selain itu, subsidi baja juga perlu ditambah kerana selepas terlibat dalam bidang ini, saya dapati baja memerlukan kos yang besar.

“Keadaan itu menyebabkan ada pekebun yang terpaksa menggunakan baja kurang berkualiti dan hasilnya kurang memberangsangkan,” katanya kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

Rashidi juga meminta pihak berkaitan seperti Jabatan Pertanian menyediakan senarai data lengkap pemborong yang boleh dicadangkan kepada pekebun bagi menjual hasil mereka.

“Dengan itu, pekebun dapat meraih pendapatan yang lebih tinggi,” katanya yang mengusahakan kebun



RASHIDI



YUSOF

jagung seluas kira-kira 1.61 hektar sejak Januari lalu.

Seorang lagi pekebun, Yusof Itam, 60, dari Ulu Cheka, Jerantut pula mengharapkan belanjawan yang diumumkan itu bukan sekadar melepaskan batuk di tangga.

Menurutnya, beliau berharap kerajaan dan agensi pelaksana berkaitan serius melaksanakan aktiviti yang dirancang menerusi Belanjawan 2021.

Yusof yang kini mengusahakan kebun pisang bersama anaknya menyambut baik sebarang usaha kerajaan untuk membantu golongan pekebun di Malaysia.



Jagung manis yang diusahakan Rashidi sejak Januari lalu.

Syurga kucing jalanan

Taman Kucing Dungun menempatkan kucing terbiar yang ditangkap dalam operasi MPD

Oleh NORHASPIDA YATIM

DUNGUN



FOTO: BERNAMA

Kucing jalanan yang ditemui sepanjang operasi dijalankan MPD di kawasan pasar, medan selera dan stesen bas ditempatkan di Taman Kucing Dungun.

Terletak di lokasi yang bersih, tenang dan menarik, Taman Kucing Dungun yang dibina hasil inisiatif Majlis Perbandaran Dungun (MPD) di Taman Rimba Bukit Bauk di sini ibarat syurga bagi kucing jalanan.

Yang Dipertua MPD, Lizan Che Mat berkata, pembinaan Taman Kucing Dungun itu bagi menempatkan kucing-kucing terbiar yang ditangkap menerusi operasi yang dijalankan di lokasi tumpuan awam seperti di ka-

wasan pasar, medan selera dan stesen bas.

Menurutnya, selain sebagai lokasi penempatan kucing, ia juga mampu menjadi daya tarikan baharu di daerah berkenaan.

"Kita ambil inisiatif bina Taman Kucing Dungun untuk menempatkan dan merawat kucing terbiar. Setakat ini, ia telah 70 peratus siap dan dijangka dirasmikan hujung Disember ini.

"Setakat ini kerja-kerja pembinaan kawasan ini masih 30 peratus belum siap seperti jalan masuk, longkang, pagar dan landskap," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Taman Kucing Dungun yang mula diduduki sejak Julai lalu kini mempunyai sebanyak 30 ekor kucing.

Haiwan itu ditempatkan mengikut kategori kesihatan, antaranya Wad Rawatan Ibu dan Anak, Wad Keluarga Bahagia, Unit Pemulihan, Unit Rawatan Rapi dan Unit Kucing Bahagia.

Lizan berkata, pusat yang dikendalikan oleh dua kakitangan MPD itu dianggarkan mampu menempatkan sehingga 150 ekor



FOTO: BERNAMA

Lizan (kiri) bersama Setiausahaanya, Mohd Nasir Kasim (kanan) melawat kucing jalanan yang dirawat di Taman Kucing Dungun.



Muhammad Haniff Ikmal Harzudd, 24, bersama anaknya, Muhammad Adam lima bulan berusia setahun lima bulan mengunjungi Taman Kucing Dungun di kawasan rekreasi Taman Rimba Bukit Bauk, Dungun.

kucing jalanan, selain terdapat lokasi khas bagi kucing-kucing tersebut bermain.

Menurutnya, pihaknya mengalu-alukan sumbangan peralatan, makanan, ubat-ubatan dan kewangan bagi menampung keperluan kucing-kucing yang dipelihara di taman berkenaan.

"Kita bercadang untuk membuka lagi sangkar baharu sekiranya kapasiti kucing sedia ada telah penuh, selain mahu memastikan jarak sosial antara pengunjung agar mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

"Setakat ini ramai yang datang ke sini untuk melihat kucing-kucing tersebut dan kita

tidak mengenakan sebarang bayaran masuk kepada mereka," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu, Dr Mohd Ternizi Ghazali berkata, pihaknya akan memberi rawatan perubatan dan pemeriksaan kesihatan secara berkala di Taman Kucing Dungun.

"Kakitangan MPD yang bertanggungjawab juga akan diberikan kursus untuk menjaga kucing yang ditempatkan di sini.

"Ia bagi memastikan mereka boleh menjaga kucing dengan baik terutama dari aspek pemberian vitamin dan rutin penjagaan kebersihan harian haiwan-haiwan tersebut," katanya.

Kakitangan JPV melakukan pemeriksaan kesihatan dan memberikan vitamin kepada kucing-kucing yang ditempatkan di Taman Kucing Dungun.



RUMAH BAHARU KUCING JALANAN

Taman Kucing Dungun lokasi khas pastikan si bulus dijumpai berkeliranan terjaga

Dungun Taman Rimba Bukit Baik, di sini, yang sinonim sebagai pusat riadah dan aktiviti pendakian kini mempunyai satu lagi daya tarikan baharu kepada pengunjung iaitu Taman Kucing Dungun. Yang Dipertua Majlis Perbandaran Dungun (MPD), Lizan Che Mat berkata, ketika ini sebanyak 30 kucing jalanan yang dijumpai sepanjang operasi MPD di pasar, kedai makan dan tempat awam lain ditempatkan di Taman Kucing Dungun untuk dirawat.

"Taman Kucing Dungun adalah satu inisiatif kami untuk memastikan kawasan tumpuan awam bebas daripada gangguan kucing jalanan dan pada masa sama memastikan haiwan ini terjaga.

Inisiatif ini sudah dimulakan pada 2012 di Teluk Lipat dekat Surra, namun lokasi itu tidak lagi sesuai untuk penempatan Taman Kucing Dungun ini.

"Sebab itu kita pindahkan ke Taman Rimba Bukit Baik pada Julai lalu kerana kawasan ini lebih sesuai sekali gus menjadi satu lagi destinasi pilihan bagi pencinta kucing," katanya ketika ditemui pemberita, di sini, semalam.

Terdapat lima sangkar pengasingan disediakan mengikut kategori kesihatan haiwan iaitu Unit Rawatan Rapi, Unit Pemuliharaan, Unit Kucing Bahagia, Wad Keluarga Bahagia serta Wad

sumber kewangan untuk menampung keperluan kucing tersebut," katanya. Sementara itu, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu, Dr Mohd Termuzi Ghazali berkata, pihaknya akan memberi rawatan perubatan dan pemeriksaan kesihatan secara berkala di Taman Kucing Dungun.

"Kita juga akan memberi kursus kepada kakitangan MPD yang bertanggungjawab menjaga taman kucing ini agar mereka boleh menjaga haiwan ini dengan baik terutama dari segi pemberian vitamin dan rutin penjagaan kebersihan harian.

"Kakitangan JPV Terengganu akan bertugas mengikut giliran yang ditetapkan supaya semua kucing terbiar ini kembali sihat dan comel seperti kucing peliharaan," katanya.

Seorang pengunjung, Aidie Amin Yatim, 39, berkata dia berkunjung ke Taman Kucing Dungun itu selepas berita mengenai tular di media sosial, sejak dua hari lalu.

"Saya memang pencinta kucing dan ada membela dua ekor di rumah... bila saya tunjuk gambar taman ini kepada anak-anak, mereka teruja mahu datang dan membelai sendiri kucing jalanan ini.

"Insya-Allah saya akan datang lagi pada masa akan datang kerana belaian kucing ini adalah satu terapi untuk kami sekeluarga," katanya yang tinggal di Paka. - Bernama



TAMAN Kucing Dungun adalah satu inisiatif MPD untuk menastikan kawasan tumpuan awam bebas daripada gangguan kucing jalanan.



TARIKH

MEDIA

RUANGAN

MUKA
SURAT

3/11/2020

HARIAN
METRO

LOKAL

11



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/11/2020	BERITA HARIAN	MINDA PEMBACA	13

Konsep petani moden tangani pengangguran pasca pandemik

Wabak COVID-19 yang masih belum nampak penghujung, memerlukan masyarakat berubah secara mendadak kepada penggunaan teknologi intensif termasuk dalam bidang pendidikan, perniagaan, pengeluaran dan penghantaran barang keperluan setiap hari.

Pelajar dan pekerja yang berhadapan pelbagai cabaran dalam norma baharu, wajar mengambil peluang dengan meningkatkan kemahiran diri melalui penggunaan internet sebagai pelaburan untuk pelajaran dengan harga berpatutan mengikut kemampuan bagi memastikan taraf kehidupan dapat diperbaiki.

Universiti Teknologi MARA (UiTM) Johor mengorak langkah pantas memulakan penanaman nanas dan pemasangan panel solar di tanah belum dibangunkan bagi memastikan universiti terus terkehadapan.

Teknologi terkini seperti internet benda (IoT) boleh dikaji dan selanjutnya diimplementasi. Sebagai cawangan UiTM yang mengungguli kebolehpasaran graduan selama beberapa tahun berturut-turut, Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) melalui pendidikan menjadi keutamaan yang makmal data raya terus dimanfaatkan.

Sektor pelancongan dan perhotelan antara penyumbang pembangunan dan kemasyhuran negara menjadi sektor paling terjejas pada era pasca pandemik.

Mekanisma dan kerangka kerja baharu yang selamat serta lebih sistematik berasaskan penggunaan teknologi terkini seperti IoT seharusnya diterokai serta dimanfaatkan industri masa kini.

Konsep petani moden memabitkan kerjasama universiti dan industri mampu mengurangkan kadar pengangguran disebabkan penularan COVID-19 yang belum nampak penghujungnya.

Penggunaan pelbagai aplikasi perlu dilihat dari segi keperluan dan tujuannya. Kebanyakan pengeluaran aplikasi terkemukadan pemilik data ialah negara luar.

Namun, Malaysia menjadi pilihan kerana mempunyai pasaran pengguna tegar besar. Pendidikan jasmani, rohani dan akal kental mampu mendepani cabaran mendatang dengan lebih tabah. Selain itu, bertanggungjawab dalam memastikan peranan masing-masing dapat direalisasikan ke arah kemajuan dan kestabilan ekonomi negara

Dr Ahmad Fadz Ghazali
Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Johor



ALIF Ikmal (kanan) menunjukkan jagung manis yang diusahakannya sambil diperhatikan bapanya, **Mat Izman Mat Hussin**.

Pemuda tanam jagung manis

JELI: Pemuda di Kampung Kuala Balah di sini memanfaatkan masa terluang dengan mengusahakan tanaman jagung manis dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPP).

Alif Ikmal Mat Izman, 21, berkata, dengan bantuan ibu bapanya, mereka mengusahakan tanaman jagung manis seluas 4.8 hektar secara berkelompok bersama empat lagi pengusahanya.

Katanya, dia mengambil kesempatan menceburi bidang tan-

aman itu sementara menunggu masa untuk menyambung pengajian peringkat ijazah tahun hadapan.

"Saya sudah tamat pengajian peringkat Diploma Binaan di Universiti Teknologi Mara (UTM) Seri Iskandar, Perak tahun lalu dan menunggu tawaran untuk sambung pengajian Ijazah Pengurusan Pembangunan.

"Disebabkan halangan wabak Covid-19 yang belum berakhir, mungkin tawaran menyambung pengajian itu diterima tahun

depan," katanya ketika ditemui di Kampung Kuala Balah di sini, hari ini.

Alif Ikmal berkata, jagung manis yang ditanam lebih dua bulan lalu mampu mengeluarkan hasil sehingga berjaya dikutip 1,500 hingga 3,000 tongkol sehari mengikut permintaan petani.

Katanya, dia bersyukur apabila mendapat sokongan daripada kedua ibu bapanya, **Mat Izman Mat Hussin, 54, dan Cbe Azizah Che Mat, 53.**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/11/2020	SINAR HARIAN	NEGERI KELANTAN	26

Bekalan makanan musim tengkujuh mencukupi

Kerajaan Kelantan lakukan pelbagai persediaan termasuk mengadakan mesyuarat di seluruh jajahan

Oleh HAZELN LIANA KAMARUDIN

PASIR PUTEH

Kerajaan Kelantan memberi jaminan bekalan makanan dan barangan keperluan harian di negeri itu mencukupi bagi menghadapi musim tengkujuh.

Exco Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, pelbagai persediaan telah dilakukan termasuk mengadakan mesyuarat di seluruh jajahan bagi membincangkan perkara berkenaan.

“Kita mahu bekalan makanan terutama beras dan barangan keperluan lain mencukupi sepanjang tempoh berkenaan,” katanya ketika ditemui pada Program Kelapa Al-Falah di Pejabat Pertanian Pasir Puteh di



Tuan Mohd Saripudin (dua dari kanan) beramah mesra dengan peserta Program Kelapa Al-Falah ketika hadir di Pejabat Pertanian Pasir Puteh kelmarin.

sini kelmarin.

Menurutnya, bahan mentah seperti ikan dan sayur turut diberikan perhatian bagi memastikan bekalan itu mencukupi.

Dalam perkembangan lain, beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Selising itu berkata, import sayuran dari negara jiran menunjukkan penurunan sepanjang Covid-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

Katanya, penurunan itu disebabkan oleh sikap rakyat yang mula bercucuk tanam di kawasan kediaman masing-masing ketika

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diperkenalkan kerajaan dalam membendung Covid-19 pada Mac lalu.

“Situasi itu menyemarakkan budaya pertanian dalam kalangan masyarakat dan hasil tanaman itu kemudiannya dituai serta digunakan mereka untuk seisi keluarga.

“Malah kami juga sedia berkongsi ilmu dengan masyarakat dalam merencanakan lagi perkembangan pertanian yang secara tidak langsung mampu mengurangkan kebergantungan terhadap import makanan dari negara jiran,” katanya.

Tingkatkan Elaun Sara Hidup nelayan

Nelayan harap ada berita gembira dalam Belanjawan 2021

dalam Belanjawan 2021.

"Kami harap kerajaan lebih membela nasib kami kerana kami juga terkesan dengan penularan koronavirus (Covid-19).

"Kami juga penting kepada ekonomi negara kerana nelayan adalah pembekal utama sumber protein negara," katanya kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

Dalam pada itu, Mansor turut meminta agar subsidi diesel dan petrol bagi golongan nelayan dikedekalkan.

"Sudah tentu kami mahu kerajaan terus kekalkan subsidi petrol dan diesel kerana ia sangat membantu nelayan bagi meringankan beban kami," katanya.

Seorang lagi nelayan, Abu Samad Ali, 60, pula berharap



MANSOR



ABU SAMAD

agar kerajaan PN dapat meningkatkan lagi elaun sara hidup nelayan, terutama apabila tiba musim tengkujuh yang semangainya boleh menggugat mata pencarian mereka.

Menurutnya, elaun sekarang memberi 'nafas' kepada nelayan untuk menampung keperluan keluarga apabila tidak turun ke laut, tambahan pula kos sara hidup yang tinggi pada masa kini.

"Pembentangan Belanjawan Negara 2021 pada Jumaat ini



Elaun RM300 yang diterima nelayan ketika ini dapat meringankan beban mereka terutama ketika musim tengkujuh.

ditunggu-tunggu nelayan kecil seperti kami. Sudah tentu Elaun Sara Hidup yang kami harapkan dapat ditingkatkan jumlahnya.

"Kerajaan yang prihatin pasti akan dapat melihat masalah yang dihadapi golongan nelayan kecil seperti kami," katanya.

Nelayan pantai di daerah ini berharap ada khabar gembira yang menanti mereka dalam pembentangan Belanjawan 2021 pada Jumaat ini.

Seorang nelayan, Mansor Maidin, 60, berkata, dia menaruh harapan agar kerajaan Perikatan Nasional (PN) dapat meningkatkan kadar Elaun Sara Hidup Bulanan nelayan sebanyak RM300 ketika ini bagi membantu meringankan beban yang ditanggung mereka.

Katanya, nelayan yang berpendapatan kecil amat berharap ada hadiah dan khabar gembira

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/11/2020	KOSMO	K2	22



BURHANUDDIN merupakan salah seorang yang memulakan kebun komuniti di Presint 14, Putrajaya.



BEBERAPA penduduk yang mengusahakan KK4 menunjukkan tanaman tembikai wangi jenis canary melon yang kulturnya berwarna kuning terang.

Tembikai wangi penduduk Presint 14

Varia

Oleh SUEKHI SUDARJI

KESUNGGUHAN beberapa pesara yang berkebud secara kecil-kecilan membuahkan hasil selepas menanam buah rock melon atau tembikai wangi yang diusahakan di Kebun Komuniti 4 (KK4) di Presint 14, Putrajaya mendapat sambutan menggalakkan daripada komuniti setempat.

Pengerusi KK4, Burhanuddin Mohd. Ghazali berkata, dia bersama tiga orang rakan lain mula bercucuk tanam di sebuah kawasan terbiar berhampiran kawasan perumahan mereka sejak 2016.

Bekas jurutera itu berkata, pada peringkat awal, tanaman diusahakan dalam skala kecil, namun setelah melihat sambutan penghuni sekitar Presint 14, Perbadanan Putrajaya (PPJ) telah mengambil inisiatif mewujudkan KK4 di bawah Program Bumi Hijau pada tahun 2018.

"Asalnya sekitar tahun 2016, kami menanam sayur-sayuran dan ulam-ulaman untuk kegunaan sendiri dan jiran-jiran sahaja sebelum PPJ mengiktiraf kawasan yang diusahakan itu sebagai kebun komuniti KK4 ini pada tahun 2018.

"Pada awalnya memang agak mencabar kerana kami tidak mempunyai pengalaman dalam bidang pertanian, namun atas dasar minat, kami mempelajari teknik tanaman



BURHANUDDIN (kiri) bersama sebahagian ahli KK4 yang mendapat sijil pengiktirafan KK4 atas kecemerlangan mengusahakan kebun tersebut.

menggunakan sistem fertigasi," katanya kepada K2 baru-baru ini.

Program Bumi Hijau adalah kesinambungan Kempen Bumi Hijau peringkat kebangsaan yang telah disempurnakan bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi pada 2008.

Pelaksanaan secara bersama dengan PPJ itu membuka ruang kepada penduduk setempat Putrajaya merajana

pendapatan sampingan apabila masing-masing mula mengamalkan pertanian bandar di kawasan kediaman.

Kini terdapat empat kebun komuniti di Putrajaya meliputi Kebun Komuniti 1 di Taman Rimba Desa Presint 9, Kebun Komuniti 2 di Presint 8, Kebun Komuniti 3 di Presint 9 dan Kebun Komuniti 4 di Presint 14.

Keempat-empat kebun komuniti ini memfokuskan tanaman tembikai wangi

sebagai tanaman utama.

Burhanuddin berkata, KK4 yang mempunyai keluasan 609 meter persegi itu kini diusahakan puluhan penduduk.

Antara tembikai wangi yang diusahakan di KK4 ialah jenis canary melon yang kulturnya berwarna kuning.

"Memandangkan tempoh matang pokok ini antara 60 hingga 70 hari, kami turut mempelbagaikan tanaman seperti serai, tomato ceri, kacang panjang, bendi, bayam, pucuk ubi dan terbaharu cendawan bagi memastikan kebun dimanfaatkan sepenuhnya," ujarnya.

Tambahnya, harga jualan tembikai wangi KK4 lebih rendah iaitu RM7.50 sekilogram berbanding harga pasaran memecah RM9.50 sekilogram.

Pada masa sama, pihaknya turut memberikan turjuak ajar kepada pelanggan yang berminat selain turut menjual anak-anak pokok, baja dan keperluan berkebun bagi menggalakkan aktiviti berkebun.

"Buat masa ini, KK4 mempunyai 30 ahli berdaftar dengan 10 ahli aktif yang terdiri daripada pesara tentera, bekas guru, suri rumah selain individu yang masih bekerja. Mana-mana ahli yang berkelapangan akan datang ke kebun selepas waktu pejabat atau pada hujung minggu untuk memastikan KK4 terus memberi pulangan kepada komuniti setempat," katanya.

Sementara itu, seorang pesara Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Shuhairy Shuhaimi, 53, berkata, dengan adanya KK4, komuniti setempat mempunyai berbakat kepada tanah di samping mempelajari selok-belok pertanian.